

19 JUL 2001

Abdullah-Ekonomi

KABINET ARAHAN SEMUA MENTERI BUAT PERANCANGAN HADAPI KEMELESATAN EKONOMI

KOTA KINABALU, 19 Julai (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi malam ini berkata semua menteri dan agensi kerajaan telah diarah membuat perancangan bagi menghadapi kemungkinan kesan daripada kemelesatan ekonomi Singapura.

Beliau berkata arahan itu dikeluarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada mesyuarat jemaah menteri semalam.

"Kita kini mesti berfikir ke hadapan mengenai kesan akibat kemelesatan ekonomi Singapura," katanya semasa berucap pada jamuan malam dengan pemimpin masyarakat Cina di Sekolah Kian Kok di sini.

Katanya Malaysia mempunyai hubungan ekonomi dengan Singapura dan republik itu merupakan satu daripada rakan perdagangan utama Malaysia.

"Apa yang berlaku pada ekonomi Singapura mungkin akan mendatangkan kesan kepada kita dan kami sedang berusaha supaya ia tidak menjejaskan ekonomi negara ini," kata Abdullah.

Abdullah berkata tahun lepas, kerajaan juga mengambil langkah yang serupa supaya ekonomi negara tidak terlalu terjejas akibat kemerosotan ekonomi Amerika Syarikat.

"Itupun kerana kita juga mempunyai hubungan ekonomi dengan Amerika Syarikat dan negara itu merupakan sebuah rakan dagang utama Malaysia," katanya.

Beliau berkata lebih 80 peratus perdagangan antarabangsa Malaysia dijalankan menggunakan Dollar Amerika dan berharap langkah-langkah yang dicadangkan sebelum ini dapat mengatasi masalah itu.

"Dalam hal ini rakyat mesti faham, apa jua tindakan yang diambil oleh kerajaan demi menjaga kepentingan ekonomi kita mesti ada sokongan dan keyakinan daripada rakyat kita," katanya.

Abdullah juga meminta pemimpin masyarakat Cina supaya memberikan sokongan dan mengundi calon Barisan Nasional Datuk Yong Teck Lee pada hari pengundian pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Likas, Sabtu ini.

"Saya berharap kaum Cina dapat memberikan sokongan yang kuat dan memberikan majoriti yang lebih besar daripada tahun 1999 kepada Datuk Yong," katanya sambil disambut tepukan gemuruh daripada 1,000 masyarakat Cina yang menghadiri perjumpaan itu.

-- BERNAMA

AT LAT